

Headline **Pertingkat program kejrangan**
Date **06 Aug 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **12**
Article Size **341 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **15,023**
PRValue **45,069**



'Pertingkat program kejrangan'

Wanita perlu jaga diri, keluarga agar tak jadi mangsa jenayah dilakukan secara terbuka

Oleh **Rohaniza Idris**
dan **Diyanah Anuar**
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Wanita perlu meningkatkan keselamatan diri dan keluarga supaya tidak menjadi mangsa jenayah kerana penjenayah kini dilihat berani melakukan kegiatan mereka di kawasan awam termasuk kejrangan dengan kawalan keselamatan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata masyarakat perlu ada sikap berhati-hati dan waspada kerana jenayah kini tidak lagi dilakukan secara tersembunyi di kawasan terpencil seperti di pinggir estet.

Katanya, beliau percaya nilai dan sikap mengambil tahu mengenai jiran tetangga semakin terhakis menyebabkan penjenayah tidak takut melakukan jenayah di kawasan kejrangan dan kediaman termasuk kawasan pangsapuri yang mempunyai kawalan keselamatan.

"Seakan menjadi trend pula sekarang ini, saya lihat jenayah bukan hanya dilakukan di tempat sunyi di kampung atau estet... jenayah ada di mana-mana seperti di kawasan pangsapuri yang ada jiran dan masyarakat tinggal berdekatan dengan kawalan keselamatan.

"Jadi wanita sendiri perlu tingkatan keselamatan diri dan keluarga masing-masing, manakala program kejrangan dan kemasyarakatan perlu ditingkatkan lagi," katanya mengulas mengenai kejadian jenayah membabitkan Timbalan Pengarah Veterinar Perak, Dr Rohani Kasim di Pangsapuri Permai Lake View, Ipoh dan penemuan mayat wanita serta kanak-kanak di Pangsapuri Astaria, Taman Kosas, Ampang.

Shahrizat berkata, selain bantuan polis dan agensi berkaitan menjaga keamanan dan ketenteraman awam, masyarakat sendiri perlu mengambil tahu dan menerapkan nilai kejrangan dalam komuniti masing-masing.

"Sikap ambil tahu ini penting untuk kesejahteraan masyarakat dan ia perlu terus disemai dalam komu-

niti," katanya. Terdahulu, beliau menyampaikan peruntukan RM2.8 juta kepada Majlis Aids Malaysia (MAM) dan Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) di Rumah PENGASIH, Bukit Tunku di sini, semalam.

Peruntukan itu di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah. MAM menerima RM2 juta untuk diagihkan kepada 19 Rumah Perlindungan HIV/Aids manakala RM800,000 untuk lapan rumah perlindungan Pengasih di seluruh Malaysia.

Mengulas mengenai peruntukan itu, Shahrizat berkata dana yang diberikan boleh digunakan oleh rumah perlindungan untuk menjalankan program kepada peserta atau penghuni, membaik pulih bangunan atau pembiayaan pentadbiran masing-masing.



SHAHRIZAT beramah mesra dengan penghuni Rumah PENGASIH bersama Yang Dipertua PENGASIH, Datuk Mohd Yunus Pathi (duduk, kanan) dan penyanyi, Jamal Abdillah (duduk, kiri) di Bukit Tunku, semalam.